

Headline	Penerbangan pertama jemaah haji 27 Ogos		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	21	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,775
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,325



Penerbangan pertama jemaah haji 27 Ogos

Makkah: Penerbangan pertama jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci tahun ini dijadualkan pada 27 Ogos, manakala penerbangan akhir pada 27 September.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Rahim berkata, sebanyak 64 penerbangan dijadualkan musim ini bagi membawa 22,320 jemaah haji.

"Penerbangan pulang jemaah haji ke Malaysia dijadualkan 10 Oktober dan penerbangan akhir pada 8. November," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas meninjau persiapan TH untuk musim haji 2014 di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif TH, Tan Sri Ismee Ismail.

Abdul Azeez berkata bagi tahun ini, TH menyediakan subsidi kos haji keseluruhan berjumlah RM130 juta berbanding RM100 juta pada tahun lepas.

"Kos haji bagi setiap jemaah kekal pada kadar RM9,998, namun subsidi yang ditanggung TH meningkat sebanyak RM6,175 untuk setiap individu pada tahun ini.

"Ini berbanding RMS,575 pada tahun lalu berikutan kenaikan kos pengangkutan, penginapan dan makanan," katanya.

Abdul Azeez berkata, persiapan awal TH meliputi pengangkutan, penginapan, makanan dan kesihatan juga berjalan lancar.

"Bagi penginapan jemaah di Madinah adalah 200 meter dari Masjid Nabawi, manakala di Makkah, penginapan jemaah haji adalah 1,000 meter dari Masjidilharam," katanya.

Beliau berkata, lebih 700 bas akan disediakan bagi membawa jemaah haji sepanjang musim itu.

Dalam pada itu, 255 pasukan kesihatan yang terdiri daripada pakar, doktor dan petugas kesihatan ditugaskan di tiga pusat kesihatan kendalian TH, dua di Makkah, satu di Madinah.

Abdul Azeez berkata, TH juga akan meningkatkan kualiti penyediaan makanan bagi memastikan jemaah haji dapat mengekalkan kesihatan mereka pada tahap terbaik ketika suhu dijangka melebihi 45 darjah celsius.

- BERNAMA